

09 OCT 1996

Exco-Kelantan

BEKAS ANGGOTA S46 HADIRI MESYUARAT EXCO HARI INI SEBAGAI WAKIL UMNO

KOTA BAHARU, 9 Okt (Bernama) -- Anggota Exco kerajaan negeri Kelantan dari bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) hari ini menghadiri mesyuarat mingguan Exco yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat walaupun Pas sebelum ini mendesak mereka supaya meletakkan jawatan kerana mereka telah menyertai Umno.

Bekas Pengerusi Perhubungan S46 Kelantan Datuk Rozali Isohak berkata, keempat-anggota bekas anggota parti itu tetap menghadiri mesyuarat itu bagi menjalankan tanggungjawab mereka terhadap rakyat.

"Kedudukan kami hari ini adalah atas kapasiti Umno...malahan semasa mesyuarat tadi Pas tidak pula membuat sebarang bantahan terhadap kehadiran kami," katanya selepas tamat mesyuarat itu di Kota Darul Naim di sini.

Selain Rozali, tiga lagi anggota Exco S46 ialah Nik Mustapha Nik Loding, Daud Jaafar dan Mohd Noor Ahmad.

Sebaliknya Nik Aziz yang ditemui pemberita menyifatkan anggota S46 itu sebagai "degil" kerana tetap menghadiri mesyuarat Exco walaupun kehadiran mereka itu tidak lagi dikehendaki.

"Mana ada dalam dunia ini sebuah kerajaan diduduki bersama oleh parti pembangkang ...," tanya beliau.

Beliau berkata bagi mengelakkan perkara itu daripada berterusan, adalah wajar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati bekas anggota S46 itu supaya meletakkan jawatan bagi menjaga maruah Umno.

Rozali yang masih dikekalkan jawatannya sebagai Timbalan Menteri Besar II berkata, kedudukan mereka dalam Exco kerajaan negeri tidak menjadi masalah kerana mereka percaya masih boleh bekerjasama dengan anggota Exco Pas dalam pentadbiran negeri.

"Lagipun beberapa jalan penyelesaian mengenai kedudukan kami sedang dibincangkan oleh pucuk pimpinan parti dan sudah pasti jalan penyelesaian akan diambil tidak lama lagi," katanya.

Beliau juga berkata kedudukan anggota Exco dari bekas S46 itu pada sidang Dewan Undangan Negeri yang akan bermula pada 14 Oktober ini juga turut tidak berubah apabila dimaklumkan bahawa mereka akan dikekalkan bersama barisan kerajaan.

Rozali juga berkata pada sidang Dewan Undangan Negeri kali ini, barisan pembangkang hasil gabungan anggota-anggota dari Barisan Nasional (BN) dan S46 akan bertambah kuat dengan 18 anggota manakala Pas dengan 25 anggota.

Ditanya mengenai majlis penyerahan borang keahlian Umno daripada 200,000 bekas anggota S46 kepada Dr Mahathir yang juga Presiden Umno semalam, beliau berkata "telah dipersetujui bahawa mereka semua sekarang diterima sebagai ahli Umno secara automatik". -- BERNAMA

RAR PR